



**JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA
KEMENTERIAN KEWANGAN**



**EMBARGO: Tidak dibenarkan untuk
diterbitkan atau disiarkan sebelum 10.30
pagi pada hari Khamis, 14 Mei 2026.**

SIARAN MEDIA

PELANCARAN SIARAN PASARAN HARTA SUKU TAHUN PERTAMA 2026

**PRESTASI PASARAN HARTA TANAH SEDERHANA PADA SUKU
TAHUN PERTAMA 2026**

PUTRAJAYA, 14 Mei 2026 – Prestasi transaksi harta tanah negara pada suku tahun pertama 2026 mencatat pertumbuhan sederhana, menyusut 8 peratus kepada 89,966 berbanding suku tahun pertama 2025. Dari tahun ke tahun, nilai transaksi turut menyaksikan penurunan marginal 0.6 peratus kepada RM51.09 bilion, menurut Siaran Pasaran Harta Suku Tahun Pertama 2026 oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak berkata, momentum pertumbuhan transaksi harta tanah pada suku tahun pertama 2026 berkembang pada kadar sederhana dan masih kekal terkawal. Walaupun trajektori aktiviti pembinaan mula perlahan, prestasi aktiviti pembinaan di peringkat siap dibina (*completion*) bagi harta tanah kediaman dan kedai terus kukuh dengan pertumbuhan positif.

“Aktiviti pasaran yang kekal berdaya tahan ini adalah tanda keyakinan industri terhadap momentum penstrukturan semula ekonomi Malaysia sebagaimana dalam kerangka Ekonomi MADANI walaupun berdepan cabaran ketidaktentuan ekonomi global. Inisiatif kerajaan melalui kerangka Ekonomi MADANI dan sokongan berterusan kerajaan mengukuhkan trajektori pertumbuhan pasaran harta tanah dan memberi manfaat yang

berterusan kepada rakyat,” kata beliau sempena Pelancaran Siaran Pasaran Harta Suku Tahun Pertama 2026 di Putrajaya, hari ini.

Intipati lain prestasi pasaran harta tanah suku tahun pertama 2026 adalah:

- Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) mencatat pertumbuhan positif 1.7 peratus, berada pada paras 235.2 mata dengan harga purata RM507,533 seunit. Semua negeri menyaksikan pertumbuhan positif antara 0.3 peratus hingga 7.2 peratus, kecuali Negeri Sembilan dan Sabah masing-masing mengalami penguncupan sebanyak 0.2 peratus dan 2.3 peratus, manakala Perak kekal stabil. Mengikut jenis, rumah teres dan rumah berkembar mendahului dengan peningkatan masing-masing 2.2 peratus, diikuti unit bertingkat tinggi sebanyak 1.3 peratus, manakala rumah sesebuah merekodkan penurunan kecil 0.7 peratus.
- Segmen pelancaran baharu kediaman, menunjukkan prestasi sederhana, menyusut kepada 9,112 unit, dengan prestasi jualan 11.5 peratus, berbanding suku tahun pertama 2025.
- Prestasi kediaman siap dibina tidak terjual (*unsold completed*) terus merekodkan peningkatan. Unit kediaman siap dibina tidak terjual merekodkan lebih 32,000 unit dengan nilai RM16.37 bilion, meningkat 7.6 peratus dari segi bilangan dan turun 7.7 peratus dari segi nilai daripada suku sebelumnya.
- Subsektor pangsapuri khidmat siap dibina tidak terjual meningkat kepada 19,263 unit bernilai RM16.52 bilion berbanding 18,752 unit bernilai RM15.42 bilion pada suku keempat 2025.
- Di segmen komersial, kadar penghunian bagi kompleks perniagaan kekal 79 peratus, manakala kadar penghunian bagi pejabat binaan khas milik swasta menunjukkan sedikit peningkatan kepada 72.3 peratus berbanding 72 peratus pada suku yang sama tahun lalu.

Trajektori Pasaran Harta Tanah Dijangka Kekal Berdaya Tahan

Melangkah ke hadapan, perkembangan pasaran harta tanah kian perlahan, namun dengan sokongan penuh kerajaan melalui kerangka Ekonomi MADANI akan mengekalkan kestabilan pasaran bagi harta tanah dan trajektori pertumbuhan pasaran harta tanah dijangka kekal berdaya tahan. Konflik Asia Barat yang semakin genting telah menyebabkan ketidakpastian geopolitik yang tinggi, lantas menyumbang kepada sentimen pelabur global yang lebih berhati-hati dengan kesan kepada pasaran kewangan domestik.

Melalui Belanjawan 2026 kerajaan secara konsisten menyediakan suntikan berterusan bagi pembangunan harta tanah negara dengan memperkenalkan langkah-langkah untuk menggalakkan pertumbuhan permintaan pasaran harta tanah termasuk meningkatkan peruntukan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) sehingga RM20 bilion bagi manfaat 80,000 pembeli rumah. Sebagai tambahan, pengecualian duti setem penuh ke atas instrumen pemindahan dan perjanjian pinjaman untuk pembeli rumah pertama berharga sehingga RM500,000 dilanjutkan sehingga akhir 2027 khusus bagi menggalakkan pemilikan rumah pertama.

Pelaksanaan inisiatif dalam kerangka Ekonomi MADANI yang diterjemah dalam Belanjawan 2026 dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) ini dijangka menjadi pemangkin momentum pemulihan pasaran harta tanah. Selain itu, perkembangan positif dalam kesiapan pembangunan infrastruktur strategik, berperanan penting dalam memacu pembangunan berorientasikan transit (TOD), sekali gus akan menjadi pemangkin peningkatan ekonomi dan pasaran harta tanah negara.

Laporan Pasaran Harta dan semua penerbitan lain boleh dilayari melalui portal rasmi NAPIC di napic.jp-ph.gov.my.

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)

Kementerian Kewangan

14 Mei 2026